

11/01/2001

Rombakan: PM tidak beri petunjuk

Kadir Dikoh; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Rabu - Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya di Putrajaya hari ini dimaklumkan Perdana Menteri mengenai rombakan Kabinet yang bakal dilakukan dalam tempoh terdekat ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu mengenai kekosongan jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berikutan peletakan jawatan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Jumaat lalu.

Sumber yang layak dipercayai berkata, Dr Mahathir mahu kekosongan itu diisi dalam tempoh terdekat ini, tetapi tidak membayangkan siapa bakal pengganti Abdul Hamid.

Dr Mahathir juga tidak memberi sebarang petunjuk sama ada rombakan Kabinet akan dilakukan secara besar-besaran serta tidak membayangkan siapa di kalangan menteri yang akan digugurkan.

Semalam, sekembalinya dari lawatan ke Myanmar, Perdana Menteri mengesahkan akan merombak Kabinetnya tetapi enggan memberi sebarang petunjuk mengenai kemungkinan beberapa menteri digugurkan.

"Insyallah, mudah-mudahan tak lama lagi. Ini kerajaan, kita kena kaji betul-betul. Ia bukan boleh dibuat sambil lewa," kata Dr Mahathir ketika ditanya bila rombakan itu akan dilakukan.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata biasanya Perdana Menteri akan berbincang dengan ketua parti komponen Barisan Nasional (BN) sebelum merombak Kabinet.

Bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini selepas menghadiri mesyuarat Kabinet di Putrajaya, Dr Ling yang juga Presiden MCA bagaimanapun enggan mengulas sama ada Dr Mahathir sudah berbincang dengannya mengenai perkara itu.

"Kami semua (menteri daripada MCA) berada di sini (dilantik) atas keputusan Perdana Menteri. Soal pelantikan itu adalah hak Perdana Menteri. Tidak seorang pun daripada kami yang dimaklumkan mengenainya ... tiada komen lagi," katanya.

Dr Ling secara berseloroh berkata ketika mesyuarat Kabinet hari ini juga tidak seorang pun berani bertanya kepada Dr Mahathir mengenai perkara itu kerana mereka mungkin mendapat kejutan.

"Kami tidak mahu bertanya kepada beliau, kerana beliau mungkin mengejutkan kami ... beliau boleh kata `anda' (gugur)," kata Dr Ling.

Dr Ling berkata, Perdana Menteri mempunyai hak mutlak untuk merombak Kabinet dan terpulang kepada beliau untuk memutuskannya.

"Kami berada di sini kerana Perdana Menteri. Ia adalah prerogatif Perdana Menteri. Apa pun yang Perdana Menteri pilih untuk kami lakukan, kami akan berkata terima kasih banyak-banyak," katanya.

Dr Ling juga berkata, Kabinet menyatakan penghargaan kepada Abdul Hamid yang mengumumkan peletakan jawatannya baru-baru ini.

"Kami percaya dengan meninggalkan Kabinet, ia tidak bermakna beliau akan berhenti berkhidmat untuk negara dan kami percaya beliau akan terus memberi khidmat," katanya.

(END)